



## KENYATAAN MEDIA

### KAWASAN RUKUN TETANGGA TONGGAK PERPADUAN KOMUNITI KELUARGA MALAYSIA

---

**26 Mac 2022**, Anak Bukit, Kedah – Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah menyempurnakan penyampaian Geran Rukun Tetangga Komuniti Sejahtera Keluarga Malaysia peringkat Negeri Kedah dan Perlis Tahun 2022 bertempat di Dewan Serbaguna KDN, Alor Setar, Kedah.

2. Peruntukan geran kepada Kawasan Rukun Tetangga merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 yang memfokuskan kepada pengukuhan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan Rukun Tetangga kepada komuniti. Program dan aktiviti berimpak tinggi dilaksana berdasarkan empat (4) Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga iaitu Gerak Kerja KRT Sejahtera, Gerak Kerja KRT Selamat, Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah dan Gerak Kerja KRT Sihat yang menyumbang kepada pengukuhan kesejahteraan, keselamatan dan perpaduan Keluarga Malaysia.

3. Di Negeri Kedah sebanyak 474 KRT aktif menerima geran sebanyak RM6,000.00 dengan jumlah keseluruhan RM2,844,000.00 manakala di Negeri Perlis sebanyak 138 KRT aktif telah menerima geran berjumlah keseluruhan RM828,000.

4. Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan Gerak Kerja Komuniti Rukun Tetangga bagi menterjemahkan pelaksanaan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga bagi tahun 2022. Gerak Kerja ini memastikan KRT dapat menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada komuniti dengan mengambilkira cadangan dan keperluan semasa.

5. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dr. Robert Ling Kui Ee, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Alam Sekitar, Perpaduan dan Hal Ehwal Masyarakat Siam dan YB Puan Siti Berenee Yahaya, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis merangkap Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Perpaduan Masyarakat Dan Tugas-Tugas Khas yang mewakili penerimaan *mock cheque* daripada YB Menteri Perpaduan bagi KRT di negeri masing-masing.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

26 Mac 2022

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (119)